



UMS FT bersama pegawai selepas memenangi gelaran juara divisyen satu.

Sri Aman, UMS FT juara Liga Futsal Sabah

GL Oh DE 13.11.2017 8

KOTA KINABALU: Sri Aman dan UMS FT dinobatkan juara divisyen satu lelaki dan wanita dalam Liga Futsal Sabah yang berakhir di Arena Futsal YS pada Ahad.

Sri Aman dikejutkan sebelum ini sebelum bangkit daripada keputusan 1-2 untuk menewaskan BB EMD 4-2 dalam final untuk menjulang gelaran juara. Dalam kelompok empat terakhir yang dimainkan sebelum ini, Sri Aman menempah tempat mereka dalam final dengan menewaskan Sri Intan 2-1 sementara BB EMD menewaskan Mizanis 7-3.

Gelaran juara divisyen dua lelaki dimenangi DBKK yang menewaskan D'Zeera 3-1 dalam final. Semi final menyaksikan D'Zeera mengetepikan Sri Taman 2-1 dan DBKK mengalahkan Camel FT 2-0.

Sementara itu wanita UMS memperlihatkan rekod cemerlang dalam kejohanan yang berlangsung selama dua hari itu dan mereka meraih gelaran juara tanpa keciciran walau satu mata dalam perlawanan pusingan robin kumpulan dengan memenangi 5-1 ke atas Cinkaling, 3-0 ke atas Ziemal, 4-0 menentang Remix dan 3-0 terhadap Vista. Pencapaian tersebut juga

menganugerahkan mereka tempat dalam liga Futsal Negara pada tahun hadapan.

Pengarah Pusat Sukan UMS Ayraaf Fong Abdullah berkata ia adalah pemanasan badan yang bagus untuk pasukan tersebut bagi persediaan dalam pusingan kelayakan.

Tempat kedua dimiliki Zeamal dengan enam mata disusuli dengan Vista (3), Cinkaling (3) dan Remix (0).

Dalam divisyen dua, wanita DBKK mengikut jejak langkah pasukan lelaki mereka dengan merangkul gelaran juara selepas menewaskan Galaxy 2-0 dalam final. Terdahulu dalam separuh akhir, DBKK menang 2-0 ke atas NFC sementara Galaxy juga mencatatkan kemenangan 2-0 ke atas LKFC.

Sebanyak 71 pasukan mengambil bahagian dalam kejohanan anjuran Jawatankuasa Futsal Persatuan Bola Sepak Sabah itu di mana tidak ada sekatan terhadap pendaftaran pemain musim ini.

Majlis penyampaian hadiah itu dihadiri bendahari jawatankuasa tersebut Ruziman Guspini yang mewakili presidennya Yamani Hafez Musa.